

09/08/1997

(Laporan BSKL)

HARGA saham di Bursa Saham Kuala Lumpur (BSKL) ditutup bercampur-campur kepada rendah selepas keuntungan Indeks Komposit (IK) pada sesi pagi hampir dihakis oleh tekanan jualan pada tengah hari.

IK ditutup naik 4.03 mata kepada 932.36 bila minat tempatan menyokong saham bermutu. Kaunter berkenaan menghadapi tekanan jualan yang hebat sejam sebelum urus niaga ditutup.

Indeks Emas naik 0.04 mata kepada 269.99 dan Indeks Perusahaan menokok 9.52 mata kepada 1,880.57 manakala Indeks Papan Kedua susut 1.55 mata kepada 509.46 tetapi Indeks Kewangan jatuh di bawah paras 8,000 selepas rugi 31.35 mata untuk ditutup pada 7,977.75.

Sebanyak 325 kaunter mengalami penurunan, 281 naik manakala 177 diniagakan tidak berubah dan 97 lagi tidak diniagakan.

Perolehan naik kepada 260.522 juta saham bernilai RM1.400 bilion berbanding dengan 245.382 juta saham bernilai RM1.500 bilion sebelumnya.

Perolehan papan utama meningkat kepada 226.165 juta saham bernilai RM1.059 bilion berbanding dengan 203.413 juta saham bernilai RM1.096 bilion sebelumnya. Papan Kedua mencatat perolehan menurun kepada 34.357 juta saham bernilai RM341.270 juta daripada 41.969 juta saham bernilai RM404.278 juta.

Jumlah urus niaga luar pasaran juga turun kepada 28.978 juta saham bernilai RM219.598 juta daripada 40.661 juta saham bernilai RM297.684 juta.

Penganalisis berkata, peserta mengambil isyarat daripada ulasan Perdana Menteri, Datuk Seri Dr Mahathir Mohamed bahawa sekarang ialah masa untuk membeli saham.

Beliau berkata, pelabur institusi tempatan memberi sokongan kepada urus niaga pasaran sepanjang hari semalam.

Pelabur runcit mengambil kesempatan pada rali sederhana sebelah pagi tetapi tekanan jualan yang tidak berhenti oleh dana asing mengheret turun pasaran pada lewat tengah hari dan pelabur runcit mengambil peluang menjual bagi mendapatkan keuntungan segera.

Penganalisis berkata, pasaran mungkin menghala turun minggu depan melainkan ada sesuatu yang dapat menceriaikan suasana pasaran pada hujung minggu ini.

Berlandaskan pada sentimen menurun sekarang, IK mungkin jatuh ke tahap sekitar 900 mata minggu depan, katanya.

Utama Banking Group yang muncul di Papan Utama BSKL semalam meraih premium 30 sen untuk harga tawaran awamnya, RM3.00. Ia dibuka pada RM3.30 dengan 371,000 saham bertukar tangan dan ditutup pada RM3.12 membabitkan 24.268 juta saham.

(END)